

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 15 MAY 2017 |

Perdana Menteri hadiri BRF

Um - 15/5/2017

BEIJING 14 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menghadiri majlis perasmian *Belt and Road Forum* (BRF) yang berlangsung selama dua hari.

Turut serta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Perdana Menteri berada di Beijing sejak 12 Mei lalu sempena lawatan kerja selama lima hari termasuk menghadiri BRF.

BRF merupakan mesyuarat antarabangsa berprofil paling tinggi sejak inisiatifnya itu dicadangkan oleh Presiden Xi Jinping pada tahun 2013.

Seramai 28 ketua kerajaan dan tiga pemimpin organisasi antarabangsa termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Antonio Guterres mengahdirinya.

Forum berkenaan dimulakan dengan ucapan pembukaan dan

ucaptama oleh Jinping.

BRF dikenali sebagai Laluan Sutera Darat dan Laut Abad Ke-21 bertujuan membangunkan rangkaian perdagangan dan infrastruktur menghubungkan Asia dengan bahagian dunia lain.

Forum kali ini yang menjuruskan kepada usaha kerjasama antarabangsa untuk kemakmuran bersama, membuka penyertaannya kepada semua negara termasuk Amerika Syarikat.

Pada acara ini, pemimpin China dan para peserta meja bulat BRF akan mengeluarkan kenyataan bersama mereka dan memeterai dokumen kerjasama.

Seramai 1,500 tetamu dari 130 buah negara menghadiri forum ini sebagai wakil rasmi dan lebih 4,000 wartawan dari seluruh dunia turut mengahdirinya.

Inisiatif BRF sejak tiga tahun lalu telah menyaksikan China melabur lebih AS\$60 bilion di negara-negara yang menyertainya

| Waktu Solat | | MBSB | | | | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| | | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|  | KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya | 5.41 | 7.01 | 1.12 | 4.34 | 7.20 | 8.33 |
|  | PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya | 5.43 | 7.02 | 1.17 | 4.39 | 7.27 | 8.41 |
|  | KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya | 5.36 | 6.54 | 1.06 | 4.28 | 7.13 | 8.26 |
|  | JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya | 5.35 | 6.56 | 1.04 | 4.26 | 7.09 | 8.22 |
|  | KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya | 5.10 | 6.27 | 12.39 | 3.01 | 6.44 | 7.57 |

dan membangunkan 56 zon kerjasama dan ekonomi melibatkan 20 buah negara selain mewujudkan 180,000 peluang pekerjaan tempatan. - UTUSAN